

## MORTIMER J. ADLER: SOROTAN IDEA DAN PEMIKIRAN FAILASUF PASCA MODEN

**Mohd. Azhar b. Abd. Hamid**

Mazhara68@hotmail.com

Jabatan Pembangunan Sumber Manusia

**Othman b. A. Kassim**

Othman\_25@time.net.my

### *Abstrak*

Pengaruh sarjana (atau ilmuwan, pemikir, intelligensia, cendekiawan) amat besar dan penting kepada masyarakat sejak berabad-abad lalu. Banyak gerakan (movement), reformasi dan revolusi digerakkan oleh kaum sarjana. Sarjana yang ‘literate and educated’ mampu mengisahkan masyarakat dalam pelbagai spectrum kehidupan. Sarjana mewakili masyarakatnya yang bertanggungjawab terhadap manusia, alam dan Tuhan-Nya. Tanggungjawab seorang sarjana bukan sekadar prinsip 7 P yang lingkaran waktu aktifnya 8 pagi hingga 5 petang. Gelar Top Notch Staff bukan sekadar tersohor dalam satu bidang di kalangan elit akademia. Ia jauh daripada menepati kerangka seorang yang bertaraf sarjana tulen. Sarjana besar ialah sarjana yang menjadikan karyanya sebagai membangkitkan literasi dalam kalangan masyarakatnya; sarjana besar ialah sarjana yang memercikkan teori dan eksperimennya secara praktis di tengah-tengah masyarakat; sarjana yang hebat ialah sarjana yang menerajui ‘public opinion’ dalam bidang pengkhususannya; sarjana yang cemerlang ialah sarjana yang serba boleh ‘mencipta ilmu’; dan bukannya menghadam dan meluah semula ilmu sarjana lain. Justeru itu, menerusi artikel ini, dipaparkan idea dan pemikiran sarjana dan failasuf besar dunia pada awal abad ke-21 iaitu Mortimer Jerome Adler yang menepati potret sarjana besar. Adler ialah seorang daripada sarjana dunia yang masih mengekalkan idealisme ilmuwan. Idea dan pemikiran Adler berpusat dalam lokus falsafah perennial, gerakan minat membaca dan pendidikan liberal. Artikel ini akan mengupas secara sederhana watak dan pemikiran Adler dalam dimensi tersebut serta pengaruhnya dalam bidaang pendidikan, falsafah dan gerakan membaca pada abad ke-21 ini.



(28 Disember 1902 – 28 Jun 2001)

## PENGENALAN

*"Adler was one of the greatest philosophers and educators of the twentieth century – a man of remarkable wisdom and learning".*

Charles Colson

*"Men were much bigger and wiser in those days, not like they are now. Just as in the time of Odysseus breaker of horses, and honey-tongued Nestor, these were men bigger than life, men about whom and by whom great books are written. "*

Peter Redpath

*"...as one of "the two most widely known American practitioners of philosophy." He is credited with popularizing the study of both literature and philosophy in his lifetime".*

John W. Donohue

Artikel ini memerihalkan tentang biografi ringkas tentang seorang sarjana dan failasuf dunia pada awal abad ke-21 ini iaitu Mortimer J. Adler. Adler adalah seorang tokoh besar khususnya dalam dua mauduk penting iaitu ‘pencarian idea-idea besar menerusi sarjana-sarjana klasik’ serta ‘gerakan minat membaca’. Kedua-dua mauduk ini menjadi minat yang mendalam baginya sejak beliau bertugas sebagai seorang wartawan. Selepas kematiannya, idea-idea Adler mula dikupas dan dibahaskan seperti mana yang berlaku kepada sarjana-sarjana besar dunia sebelumnya-Socrates, Herodotus, Euclid, Aquinas, Descartes, Wallerstein dan beribu-ribu yang lain.

Adler membesar sebagai seorang sarjana<sup>1</sup> yang bersifat pragmatik<sup>2</sup>. Justeru itu kita dapat melihat bagaimana karya-karya Adler dikupas sebegitu rupa agar ia boleh

<sup>1</sup> Adler menyifatkan sarjana (scholar) sebagai *"An educated person is one who through the travail of his own life has assimilated the ideas that make him representative of his culture, that make him a bearer of its traditions and enable him to contribute to its improvement"*. Syed Hussein (1992) misalnya meletakkan sarjana sama dengan intelegensia. Intelegensia ialah *"mereka yang telah mengalami pendidikan tinggi formal dan moden, pakar, profesional dan mereka yang memperolehi pendidikan tinggi dengan cara lain. Dalam masyarakat membangun kaum intelegensia berfungsi sebagai suatu kelompok"*. Sarjana dalam pentakrifian Barat iaitu Scholars ialah individu yang terdidik dengan memperoleh suatu kelulusan tertinggi dalam bidangnya yang berkecimpung dalam dunia akademik. Edward Said seorang sarjana sosiologi dan perbandingan agama misalnya memasukan wartawan dan penulis sebagai golongan sarjana. Menurut Abdul Rahman (2003), ilmuwan ialah mereka yang berilmu pengetahuan, baik ilmu akal mahu pun ilmu agama, baik yang terdidik secara

dihadam oleh masyarakat. Katanya "I have no interest in the academic audience at all. I'm interested in Joe Doakes. A general audience can read any book I write - and they do." Idea-idea besar oleh sarjana agung hanya boleh dicerna oleh masyarakat dengan cara pelbagai cara. Paling penting adalah bagaimana peranan sarjana dan ilmuwan memudahkan kefahaman idea-idea besar ini menerusi penulisan semula akan idea-idea besar ini. Adler misalnya dalam usahanya memburnikan idea-idea filosof klasik telah menulis beberapa karya seperti *Aristotle for Everybody; Aristotle for Everybody: Difficult Thought Made Easy*; dan *The Common Sense of Politics*. Gagasan idea yang dilontarkan di tengah-tengah masyarakatnya bukan sekadar bersifat teori yang muluk-muluk malah Adler telah membentulkan salah tanggap masyarakat terhadap sarjana –ilmuan hanya berteori dan memecilkan diri. *Center For The Study of The Great Ideas* yang diasaskannya bersama rakan karibnya Max Weismann sebagai bukti bahawa sarjana sepertinya dapat memberi nilai tambah kepada masyarakat. Malah gerakan '*paideia*'<sup>3</sup> yang direkonstruksikan juga menunjukkan betapa sarjana sepertinya bukan sekadar berteori tetapi mampu menterjemahkan teori-teorinya secara aktual dan faktual. Inilah kelebihan Adler berbanding dengan sarjana yang lain. Selain itu, Adler telah memberi contoh terbaik kepada para ilmuwan dalam pengertian '*sarjana membesar dalam kerangka ilmu yang benar menerusi perjalanan mengutip ilmu tanpa merendahkan maruah keilmuan dengan memberi nilai-nilai komersialisasi*'. Idealisme inilah yang dipertahankan oleh beliau dan pada hematnya seorang pemikir<sup>4</sup>, sarjana-ilmuan haruslah sentiasa berpegang kepada kebenaran ilmu bukannya kebenaran kuasa<sup>5</sup>. Pada pandangannya, apabila kuasa diletakkan di atas ilmu maka, tercemarlah ilmu dan keilmuan itu. Ilmu menurut Adler bukanlah barang yang boleh dikomersialkan mahupun meletakkan penguasa dan kuasa untuk

formal mahu pun tidak formal. Kaum ilmuwan bukan sahaja mereka yang bertugas sebagai profesion secara sepenuh masa, bahkan juga termasuk mereka daripada golongan non-profesional yang walaupun berilmu pengetahuan tinggi, namun tidak memilih kegiatan ilmuwan sebagai profesion mereka. Imam al-Ghazali dalam *magnum opusnya Ihya Ulumuddin* menghuraikan ciri-ciri ulama akhirat iaitu tidak mencari dunia dengan ilmunya; berilmu dan beramal; mengutamakan ilmu yang berfaedah untuk akhirat; tidak suka bermewah-mewah dengan makanan, pakaian dan kadiaman; menjauhi penguasa dan pemerintah; selalu menahan diri daripada berfatwa; lebih banyak bermujahadah dan bermuraqabah; takut akan Allah; menjaga diri daripada kejahatan; berpegang kepada al-Quran dan al-sunnah; menjaga diri daripada amalan bid'ah.

<sup>2</sup> Falsafah pragmatik juga dikenali sebagai eksperimentalisme, empirisisme, intrumentalisme dan fungsionalisme. Falsafah ini dipelopori oleh tokoh-tokoh seperti Charles Sanders Pierce, William James dan John Dewey. Pragmatisme memberi tumpuan terhadap pengalaman dan penyelesaian masalah. Pengalaman manusia menggambarkan realiti. Pengetahuan manusia adalah hasil daripada interaksi manusia dengan alam sekeliling. Falsafah ini terbit daripada kebangkitan sains dan kaedah saintifik yang diterajui oleh Francis Bacon, Charles Darwin dan Albert Einstein.

<sup>3</sup> '*Paideia*' ialah suatu konsep klasik yang wujud sejak zaman Athens. '*Paideia*' kegiatan ilmu yang tidak membataskan kegiatan ilmu mengikut masa, tempat dan usia seseorang. Kegiatan ilmu pada semua peringkat umur bergerak amat aktif dan dinamik dalam persekitaran yang tidak formal. Masyarakat keseluruhannya menghargai dan mencintai ilmu sebagai asas membina tradisi intelektual. Dalam konteks artikel ini, '*paideia*' bermaksud suatu gerakan untuk merangsang kanak-kanak belajar dalam keadaan dan suasana yang tidak formal.

<sup>4</sup> "No one can be a great thinker who does not recognize, that as a thinker it is his first duty to follow his intellect to whatever conclusions it may lead. Truth gains more even by the errors of one who, with due study and preparation thinks for himself, than by the true opinions of those who only hold them because they do not suffer themselves to think." (John Stuart Mill on Liberty)

<sup>5</sup> Sarjana yang mempertahankan kebenaran ilmu menurut Jujun (1990), harus berlandaskan prinsip-prinsip berikut; kebenaran, kejujuran, tanpa kepentingan langsung, bersandarkan kekuatan hujah, rasional, objektif, kritis, terbuka, pragmatik dan neutral daripada nilai-nilai dogmatik.

melegitimasiakan ilmu. Faham Machiavellisme<sup>6</sup> dalam memberi nilai dan makna ilmu sesuatu yang harus dipinggirkan. Adler melihat fenomena neo-kapitalisme sebagai bahaya kepada ilmu dan sarjana. Sentuhan idealisme yang mempengaruhi Adler ini datangnya daripada beberapa sarjana agung dunia seperti Socrates, Galilio Galilei dan Descartes.

Adler bolehlah disifatkan antara sarjana tersohor pada awal abad ke-21 ini sebaris dengan sarjana lainnya seperti Alvin Toffler<sup>7</sup>, John Naisbitt<sup>8</sup>, Francis Fukuyama<sup>9</sup>, Samuel P. Huntington<sup>10</sup>, Noam Chomsky<sup>11</sup>, Tom Morris<sup>12</sup>, Cardoso<sup>13</sup>, Stephen Hawking<sup>14</sup> dan Edward de Bono<sup>15</sup>, Ayn Rand<sup>16</sup>. Jika Huntington diingati kerana ‘Teori Pertembungan Peradaban’; Hawking diingati kerana ‘Teori Lubang Hitam’; Cardoso diingati kerana ‘teori pergantungan dalam pembangunan’; Chomsky diingati kerana ‘Teori Transformasi Genaratif’; Tom Morris diingati kerana ‘Teori Pengurusan Kualiti’; Fukuyama diingati kerana ‘Teori Penamatian Sejarah’; de Bono diingati kerana ‘Teori Pemikiran lateral’ dan Adler diingati kerana ‘Teori Membaca’<sup>17</sup>. Adler yang terkenal dengan kata-kata hikmahnya mengingatkan kita tentang membaca iaitu “*Reading is a basic tool in the living of a good life*” . Sumbangan terbesar Adler kepada dunia pendidikan dan falsafah apabila beliau mengumpulkan sejumlah 443 buku teragung di dunia oleh sarjana-sarjana klasik dan moden dalam satu siri ensiklopedia 54 Volume<sup>18</sup>.

## Biografi Ringkas

Mortimer J. Adler<sup>19</sup> atau lebih dikenali sebagai Jerome di kalangan keluarga dan rakan-rakannya ialah seorang failasuf, penulis, editor, pensyarah dan guru. Beliau

<sup>6</sup> Faham Machiavellisme adalah idea failasuf Itali iaitu Niccolo Machiavelli (1469-1527). Secara umum, ideanya berkisar tentang bagaimana masyarakat boleh ditadbir dengan mudah dan cekap atas prinsip ‘matlamat menghalalkan cara’. Machiavelli berpendapat bahawa seni berperang (the art of war) bukan sahaja berlaku di medan pertempuran sebenar malah ia turut berlaku dalam situasi seseorang pemerintah ingin kekal berkuasa. Menurutnya kehidupan merupakan ‘a conflict of forces’, a fight for survival, a power struggle. Justeru itu, untuk kekal berkuasa seseorang pemimpin hendaklah mengukuhkan benteng kuasanya. Ringkasnya karya yang penuh kontroversi iaitu The Prince (1512) dan The discourse (1517) berkisar tentang bagaimana seseorang pemimpin dapat mengekalkan kuasa dengan cara-cara tertentu.

<sup>7</sup> Lihat *The Third Wave* (1989).

<sup>8</sup> Lihat *Megatrends* (1984).

<sup>9</sup> Lihat *The End of History and The Last Man* (1993).

<sup>10</sup> Lihat *The Clash of Civilization* (1984).

<sup>11</sup> Lihat *Aspects of the Theory of Syntax* (1969).

<sup>12</sup> Lihat *True Success: A New Philosophy of excellence* (1995).

<sup>13</sup> Lihat *Dependency and Development in Latin America* (1979).

<sup>14</sup> Lihat *A Brief History of Time* (1998).

<sup>15</sup> Lihat *Lateral Thinking* (1970).

<sup>16</sup> Lihat *Capitalism: The Unknown Ideal* (1986).

<sup>17</sup> Lihat buku *How to Read a Book* (1940).

<sup>18</sup> Ensaiklopedia ini memerihalkan idea daripada sarjana dan failasuf klasik Barat klasik dan moden seperti Homer, Aeschylus, Sophocles, Euripides, Aristophanes, herodotus, Thucydides, Plato, Aristotle, Hippocrates, galen, Euclid, Archimedes, Nocomachus, Lucretius, Epictetus, Marcus Urelius, Plotinus, Virgil, Plutarch, Tactius, Ptolemy, Copernicus, Kepler, Augustine, Yhomas Aquinas, Dante, Chaucer, Calvin, Machiavelli, Hobbes, Rabelias, Erasmus, Montaigne, Shakespeare, Gilbert, Galileo, harvey, Cervantes, Bacon, Descartes, Spinoza, Milton, Pascal, Molire, Racine, Newton, Huygens, Locke, Berkeley, Swift, Voltaire, Diderot, montesquieu, Rousseau, Smith, Gibbon, kant, Mill, Boswell, Faraday, Lavoisier, Engels, Tolstoy, Dostoyevsky, Ibsen, James, Freud, Bergson, Dewey, Whitehead, Rusell, Heideger, Wittgenstein dan Barth.

<sup>19</sup> Terdapat lebih 15300 web page yang berkaitan dengan Adler di dalam internet.

juga digelar sebagai *A Champion of The Intellect*. Beliau dilahirkan di New York City pada 28 Disember 1902. Beliau telah meninggal dunia pada usia 98 tahun. Beliau ialah anak seorang imigran dari England yang berpindah ke Amerika Syarikat. Beliau gagal dan tersingkir daripada persekolahannya ketika berumur 14 tahun. Selepas itu, beliau bekerja sebagai penjual akhbar di New York Sun; dan dalam masa yang sama berharap agar menjadi seorang wartawan suatu hari kelak. Setelah beberapa tahun beliau telah mengambil kelas malam untuk memperbaiki penulisannya di Columbia University.

*"I was a drop-out from high school. I wanted to be a journalist, and went to work on the old, very great New York Sun under editor Edward Page Mitchell. I thought that I should have a little more schooling than I had, having had only two years of high school, so I enrolled in extension courses at Columbia--took a course in Victorian Literature and a course in Wordsworth and Coleridge, of the century before. In the course in Victorian Literature I was assigned to read John Stuart Mill's Autobiography. I discovered, to my amazement, that John Stuart Mill could read Greek at the age of three, had read the dialogues of Plato in Greek at the age of five, and by eleven had read most of the books that I later discovered were the Great Books. At eleven he edited his father's history of India. At twelve he edited Jeremy Bentham's Rationale of Judicial Proof. And I was now fifteen and had read none of these".<sup>20</sup>*

Semasa di Columbia University, beliau telah membaca beberapa autobiografi ahli-ahli falsafah yang hebat seperti John Stuart Mill (Filosof dan Ekonomis Inggeris). Adler amat tertarik dengan idea dan pemikiran Mill dan kesemua buku Mill dibaca olehnya. Beliau mengkaji bukan sahaja idea dan gagasan Mill malah Mill baginya amat hebat dan mempengaruhi kehidupan remajanya. Beliau amat terkejut kerana Mill telah membaca karya-karya Plato sejak berusia lima tahun. Selepas itu, Adler mula mengikut jejak langkah Mill – meminjam dan membaca kesemua karya-karya Plato seperti *Charmides*, *Lysis*, *Lyches*, *Ion*, *Sophist*, *Critias*, *Statesman* dan sebagainya.

Beliau kemudiannya memohon untuk melanjutkan pelajaran dalam disiplin falsafah di *Columbia University* dan atas kecemerlangan pengajiannya beliau telah dianugerahkan biasiswa. Beliau banyak memberikan tumpuan terhadap pengajian falsafah dan beliau gagal dalam pendidikan jasmani (gagal dalam mata pelajaran renang dan sememangnya beliau tidak pandai berenang); sekali gus beliau gagal dalam pengajian ijazah pertamanya<sup>21</sup>.

*"The story that's usually told is that I did not get the degree because I did not swim. That's true, I didn't swim and I don't swim now. But the real reason why I didn't get my degree is that I*

<sup>20</sup> Dipetik daripada ucapan beliau di HARVARD'S LOWELL LECTURE - APRIL 11, 1990 yang bertajuk "The Great Books, the Great Ideas, and a Lifetime of Learning"

<sup>21</sup> Walaupun beliau gagal memperoleh ijazah pertama dan tidak mengikuti program sarjana, namun pemikiran dan idea adler amat tinggi mutunya. Sehingga beliau terus ditawarkan oleh university Columbia meneruskan pengajiannya pada peringkat Doktor Falsafah.

*refused to go to gym. Physical education was required at Columbia for graduation".<sup>22</sup>*

Atas kecemerlangan dan kehebatannya dalam mengupas idea-idea falsafah klasik dan moden, *Columbia University* telah meluluskan beliau dan memperoleh ijazah sarjana muda (falsafah) kelas pertama pada tahun 1983 (setelah 60 tahun beliau memperoleh doktor falsafah). Pada tahun 1920, beliau telah dilantik sebagai pembantu pengajar di *Columbia University* dan seterusnya melanjutkan pelajaran pada peringkat doktor falsafah. Di *Columbia University*, beliau amat bertuah kerana dikeliling sarjana-sarjana besar Amerika Syarikat seperti Erskine dan John Dewey. Kedua-dua sarjana agung ini telah mempengaruhi *worldviewnya* tentang falsafah dan buku.

Kesarjanaan Adler terserlah apabila beliau menerbitkan buku pertamanya yang bertajuk *Dialektic* pada tahun 1927. Buku ini merupakan gagasan dan kritikannya terhadap idea-idea filosof seperti Plato, Aristotle, Mill, Hobbes, Aquinas dan Rousseau. Selain itu, karya pertamanya ini memfokuskan aliran falsafah yang muncul pada abad pertengahan di Eropah.

Selain itu beliau pernah mengajar di *University of Chicago* dan *University of North Carolina*.

Beliau telah menghasilkan lebih 80 buah buku karya asli (dalam pelbagai disiplin seperti pendidikan, etika, agama, moral, politik, falsafah, sejarah dan umum) dan lebih 1000 kertas kerja, artikel dan ucapan rasmi di seluruh dunia. Ini merupakan suatu pencapaian yang membanggakan bagi seorang sarjana sepertinya.

### Jawatan-jawatan Penting

Adler memegang lebih 40 jawatan penting sebagai pimpinan pendidikan (educational leader). Namun jawatan yang berpengaruh dan penting sepanjang kerjayanya adalah:

- i. Ketua editor *Encyclopedia Britannica*.
- ii. Penggerusi projek *Paideia*.
- iii. Pengarah *Institute for Philosophical Research* di *Chicago University*.
- iv. Pengasas Institut Pengajian Kemanusiaan, Aspen.
- v. Pengasas *Center for the Study the Great Ideas* (bersama dengan Max Weismann).

Sepanjang hidupnya Adler sebagai failasuf dan pendidik telah banyak menulis dalam pelbagai tema. Paling menarik Adler telah menggunakan pendekatan pragmatik dalam pendekatan penulisannya yang ia menggabungkan nilai-nilai falsafah dengan agama, undang-undang, moral dan pendidikan.

### SUMBANGAN ADLER

Adler mengatakan bahawa sarjana bertanggungjawab secara langsung terhadap masyarakatnya. Peranan sarjana menurutnya bagaikan cahaya yang menerangi kegelapan. Cahaya yang menerangi kegelapan itu pula bukanlah cahaya yang kabur dan tidak bermaya; sebaliknya suatu cahaya yang sinarnya mampu merentasi

<sup>22</sup> Dipetik daripada ucapan beliau di HARVARD'S LOWELL LECTURE - APRIL 11, 1990 yang bertajuk "The Great Books, the Great Ideas, and a Lifetime of Learning".

kegelapan yang tidak bertepi. Dalam sejarah dunia, peranan sarjana di timur dan barat amat penting dan berharga dalam membangunkan bukan sahaja struktur malah superstruktur masyarakatnya. Gagasan idea para sarjanalah yang mampu memberi kesan terhadap perubahan dalaman dan luaran terhadap masyarakat yang menanuginya. Dalam hal ini, sumbangan Adler amat besar kepada dunia pascamoden. Pemikiran dan wawasannya merentasi benua Amerika dan masih diperjuangkan oleh ramai daripada sarjana generasi selepasnya. Empat sumbangannya yang amat besar sepanjang hidupnya adalah:

#### i. Gagasan dan Gerakan *The Great Books*

*"In the case of good books, the point is not how many of them you can get through, but rather how many can get through to you".*

Adler (1978)

*"The rules for reading yourself to sleep are easier to follow than are the rules for staying awake while reading".*

Adler (1940)

Gagasan dan gerakan *The Great Books* telah bermula di *Columbia University*, Amerika Syarikat pada tahun 1921. Pelopor gerakan ini ialah tokoh penting Columbia University iaitu John Erskine (Filosof Pendidikan). Gerakan ini bermula apabila Erskine dalam kuliah mata pelajaran umumnya telah memberi kuliah tentang karya-karya agung (western canon) klasik barat *Classics of Western Civilizations*.<sup>23</sup> Projek yang dijalankan selama dua tahun ini amat bermakna dan terkesan kepada para pelajar yang mengambil mata pelajaran umum ini. Malah projek ini dikatakan amat berjaya dan mendapat sambutan di luar jangkaan. Setiap dua minggu selama satu jam akan diperuntukkan untuk membahaskan idea-idea daripada karya-karya agung klasik ini dengan para pelajarnya. Salah seorang pelajar Erskine yang amat pintar dan cemerlang ialah Mortimer J. Adler. Adler telah mencadangkan agar mata pelajaran ini dinamakan sebagai *The Great Books Course*. Selanjutnya, Adler telah mengubah struktur mata pelajaran ini kepada suatu gerakan dan gagasan idea yang lebih besar yang dinamakan sebagai *The Great Books Movement*. *The Great Books Movement* telah dicanangkan di seluruh universiti Amerika khususnya dan dunia amnya agar mahasiswa dan masyarakat menguleti karya-karya agung sebagai *intellectual substance* yang amat berguna bagi mencairkan idéa dan pemikiran. Selaras dengan

---

<sup>23</sup> Contohnya, *Falsafah* (Plato - *The Republic*; Immanuel Kant - *Critique of Pure Reason*; Rene Descartes - *Rules For The Direction of The Mind*; Auguste Comte- *The Positive Philosophy*. *Sejarah* - Karl Marx - *Das Capital*; Francis Fukuyama - *The End of History*; *Ekonomi* - Adam Smith - *Wealth of Nations*; John Maynard Keynes - *Economic Consequences of Peace*. *Sosiologi/Antropologi* (Max Weber - *Essays in Sociology*. *Sastera* (William Shakespeare - *Romeo & Juliet*; Charles Dickens - *Oliver Twist*; T.S Eliot - *Waste Land*; Leo Tolstoy - *War and Peace*; Mark Twain - *Tom Sawyer*. *Psikologi* (William James - *The Principles of Psychology*; Sigmund Freud - *PhyscoAnalysis*. *Pendidikan* (John Dewey - *Democracy and Education*. *Sains Politik* (Nicolo Machiavelli - *The Prince*; Jean Jaques Rousseau - *Social Contract*. *Pengetahuan Am* (Mortimer J. Adler - *How to Read A Book*; Leonardo da Vinci – *Notesbook*. *Sains* (Jules Henri Poincare - *Science and Hypothesis*; Max Planck *Origin and Development of Quantum Theory*; Albert Einstein - *Space-Time*; Karl Popper - *The Magic of Discovery*; Thomas Kuhn - *The Structure of Scientific Revolution* dan banyak yang lain

gerakan ini, Adler selaku ketua editor telah menghasilkan *Encyclopedia of Great Books of the Western World* setebal 33 jilid yang merupakan penyenaraian terbesar karya-karya besar bermula pada zaman Homer sehingga zaman Samuel Beckett pada tahun 1989. Ensaiklopedia ini merupakan rujukan lengkap sejarah perkembangan pemikiran Barat yang digambarkan melalui karya-karya besar yang mewakili zamannya. Ensaiklopedia ini memuatkan karya-karya hasil pemikir besar Barat sama ada pada zaman pencerahan, kristian awal dan pertengahan, zaman klasik Yunani sehinggalah zaman pemikiran Barat moden yang begitu menonjol dalam pencerahan sains (Shahrom, 2002). Ringkasnya ensiklopedia *Great Books* boleh dianggap sebagai sumbangan terbesarnya dalam dunia perbukuan dan penerbitan ensaiklopedia khususnya. Menurut Adler, ensaiklopedia ini amat penting kepada masyarakat seluruhnya kerana:

- i. Ia merupakan khazanah komprehensif tentang maklumat dan ilmu pengetahuan dalam semua lapangan bidang ilmu yang berkembang dalam sejarah pemikiran Barat. Menurutnya lagi kefahaman kepada idea dan gagasan besar yang dilontarkan merupakan usaha manusia untuk memahami kebijaksanaan yang merupakan santapan mental yang diperlukan oleh manusia, tentu sekali dalam konteks Barat.
- ii. Keperluan untuk membacanya kerana terdapat 450 ribu hingga 5000 ribu karya penting yang diterbit di Barat setiap tahun. Ia wajar dibaca lebih daripada sekali kerana kepentingan idea dan gagasan yang membahaskan yang mana kesemuanya bersifat klasik dan mempunyai elemen penting dalam sejarah manusia.
- iii. Persoalan yang dibahaskan dalam karya besar ini masih relevan dengan kehidupan masa kini walaupun telah ditulis puluhan tahun dan abad yang lalu. Ia masih segar dan perlu diterokai daripada pelbagai konteks dan perspektif.

Selaras dengan gerakan ini, Adler telah menerbitkan buku yang berkaitan dengan gerakan ini iaitu *How to Read A Book*. Buku ini, menjelaskan bagaimana seni membaca memerlukan kita mempunyai tabiat bertanya soalan-soalan yang wajar pada tempatnya. Empat pertanyaan dasar yang perlu dikemukakan iaitu:

- i. Apakah yang diperkatakan menerusi buku itu pada keseluruhannya?
- ii. Apakah mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang dan bagaimanakah pengarang menyatakannya?
- iii. Apakah kandaungan buku itu benar, baik pada keseluruhannya mahu pun pada bahagian-bahagian yang lain?
- iv. Apakah buku itu penting?

Keempat-empat persoalan dasar di atas, menurut Adler amat penting kepada pembaca agar pembaca tahu akan matlamat yang hendak diperoleh daripada pembacaannya. Sepantas lalu, dapat dinyatakan bahawa keempat-empat pertanyaan di atas berkait rapat dengan falsafah buku. Adler menegaskan bahawa menerusi pertanyaan dasar ini seseorang pembaca akan lebih memahami hakikat sebenarnya mengapa ia membaca. Justeru itulah bagi Adler (1951), hanya buku-buku yang ditulis oleh penulis-penulis terkenal dan tersohor dalam sesuatu bidang itu mampu menjawab keempat-empat persoalan di atas. Paling berguna, menurutnya idea-idea penulis agung ini mengandungi kearifan falsafah dan juga pengetahuan saintifik yang dapat memberikan pendidikan yang lengkap kepada pembaca (Abdul Fatah, 2003).

*The Great Books Movement* ini kemudiannya diteruskan oleh sarjana-sarjana besar Amerika Syarikat seperti Mark Van Doren, Scott Buchanan, Otto Bird, Charles van Doren, Dennis Quinn sehingga Robert Hutchins. Selain itu, gerakan ini memusatkan perhatian terhadap menilai dan memilih buku-buku agung dalam sejarah manusia. Adler (1990) telah memberi sekurang-kurangnya tiga justifikasi sebagai kriteria pemilihan buku bertaraf karya agung iaitu:

- i. The book has contemporary significance; that is, relevance to the problems and issues of our times;
- ii. The book is inexhaustible; it can be read again and again with benefit; and
- iii. The book is relevant to a large number of the great ideas and great issues that have occupied the minds of thinking individuals for the last 25 centuries.

*The Great Books Movement* adalah bertujuan mengembalikan kesedaran pelajar, orang dewasa dan masyarakat seluruhnya terhadap betapa pentingnya menghargai karya-karya agung sarjana dan ilmuwan klasik dan moden. Adler berpendapat, karya-karya agung yang bersifat magnum opus ini masih belum diselongkar sepenuhnya dan dihadam oleh masyarakat. Adler gelisah akan fenomena masyarakat yang tidak gemar untuk membaca karya-karya agung yang berkualiti tinggi ini. Justeru itu, *The Great Books Movement* dapat memberi kesedaran baru kepada semua golongan agar menghargai idea-idea pemikir, sarjana, pujangga dan pendita klasik dan moden agar lahirnya sebuah masyarakat yang kaya dengan idea. Adler berpendapat *The Great Books Movement* seperti berikut:

*"Never just read, for reading without, discussion with others who have read the same book is not nearly as profitable. And as reading without discussion can fail to yield the full measure of understanding that should be sought, so discussion without the substance that good and great books afford is likely to degenerate into little more than an exchange of opinions or personal prejudices".*

*"Suppose there were a college or university in which the faculty was thus composed: Herodotus and Thucydides taught the history of Greece, and Gibbon lectured on the fall of Rome. Plato and St. Thomas gave a course in metaphysics together; Francis Bacon and John Stuart Mill discussed the logic of science; Aristotle, Spinoza, and Immanuel Kant shared the platform on moral problems; Machiavelli, Thomas Hobbes, and John Locke talked about politics".*

*"You could take a series of courses in mathematics from Euclid, Descartes, Riemann, and Cantor, with Bertrand Russell and A.N. Whitehead added at the end. You could listen to St. Augustine, Aquinas and William James talk about the nature of man and the human mind, with perhaps Jacques Maritain to comment on the lectures".*

*"In economics, the lectures were by Adam Smith, Ricardo, Karl Marx, and Marshall. Boas discussed the human race and it's*

*races, Thorstein Veblen and John Dewey the economic and political problems of American democracy, and Lenin lectured on communism. There might even be lectures on art by Leonardo da Vinci, and a lecture on Leonardo by Freud. A much larger faculty than this is imaginable, but this will suffice".*

*"Would anyone want to go to any other university, if he could get into this one? There need be no limitation of numbers. The price of admission - the only entrance requirement - is the ability and willingness to read and discuss. This school exists for everybody who is willing and able to learn from first-rate teachers".*

*The Great Books Movement* bukan sekadar suatu gerakan yang bersifat bermusim untuk mengadakan pelbagai kempen minat membaca. Ia merupakan suatu konsep yang praktikal menerusi latihan, amalan dan penghayatan. Kesedaran baru yang muncul pada abad ke-20 ini bukan sekadar disuarakan oleh Adler sahaja. Hutchins, R.M. (1968). *The Learning Society*; Ronald Dore (1976) dalam bukunya *The Diploma Disease: Education, Qualification and Development*; Allan Blom (1987), menerusi bukunya *The Closing of the American Mind: How Higher Education has Failed Democracy and Impoverished of Today's Students* turut membincangkan situasi pendidikan dan masyarakat yang lebih memberi perhatian terhadap pendidikan yang berpusatkan material. Justeru itulah, reformasi terhadap falsafah dan pembangunan kurikulum amat penting bagi melahirkan warga negara yang serba boleh dan tidak hanya mengejar kesenangan material dan kegunaan sahaja. Paling penting adalah lahir sebuah masyarakat yang memahami makna ilmu, keilmuan serta dapat meletakkan dirinya dalam kerangka ilmu untuk ilmu; dan sekali gus mampu memasyarakatkan budaya ilmu<sup>24</sup> (Wan Mohd. Nor, 1994). Zaini (1993), berpendapat senario pada peringkat pengajian tinggi pula amat parah dengan mengatakan:

*"...perkembangan universiti lebih tertumpu kepada kehendak pasaran, khususnya sektor industri dan badan-badan korporat. Implikasinya, jabatan-jabatan yang menawarkan kursus yang bersifast professional sekali gus teknikal, seperti kejuruteraan dan perniagaan diberi keutamaan dalam proses pembangunan universiti. Sementara itu, kursus-kursus tradisional yang tidak serasi dengan kehendak sektor industri dan badan-badan korporat seperti falsafah, ekonomi dan sains sosial semakin terkebelakang dari senarai keutamaan universiti".*

---

<sup>24</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (1997), mentakrifkan budaya ilmu sebagai, "kewujudan satu keadaan yang setiap lapisan masyarakat melibatkan diri baik secara langsung maupun tidak langsung, dalam kegiatan keilmuan bagi setiap kesempatan. Budaya ilmu juga merujuk kepada kewujudan satu keadaan yang segala tindakan manusia baik di tahap individu, apatah lagi di peringkat masyarakat, diputuskan dan dilaksanakan berdasarkan ilmu pengetahuan sama ada melalui pengajian mahu pun syura" Manakala Mustafa Kamil Ayub (1994) menyatakan, "Budaya ilmu dapat disimpulkan dari pembudayaan minat terhadap ilmu yang dimanifestasikan melalui kesungguhan menyelidik dan menganalisis dengan menggunakan pancaindera secara adil, seimbang dan harmonis bagi mengasingkan antara yang haq (benar) dan bathil (palsu), juga membolehkan sesuatu tindakan berdasarkan ilmu serta sedia bertanggungjawab akan natijah dari sesuatu tindakan itu".

Sebenarnya apa yang dilakukan oleh Adler telah pun dilakukan oleh sarjana dan pemimpin masa lalu. Kesedaran akan betapa pentingnya buku dan karya-karya besar dibaca, dihayati dan dipelihara telah pun bermula secara aktif semasa dalam pemerintahan Khalifah Islam Harun al-Rashid dan anaknya al-Ma'mun. Malah kejayaan Islam memperkasakan tamadunnya adalah menerusi jalan ini – keilmuan menerusi budaya perbukuan. Perpustakaan yang terbesar di dunia pada ketika itu adalah miliki tamadun Islam iaitu *Baitul Hikmah* yang dikatakan mengandungi lebih empat juta judul buku. Perpustakaan ini menjadi mercu tanda keagungan dan tradisi keilmuan Islam hingga ia menjadi cukup terkenal di Eropah khususnya dan dunia amnya (Samsu Adabi dan Wan Ramli, 2002).

Buku bertindak sebagai khazanah yang memelihara dan menyebarkan warisan budaya manusia: puisi dan drama, legenda dan epik; nilai dan tradisi; sejarah dan falsafah; agama dan mitos. Kesemuanya tersedia di dalam halaman-halaman buku yang disebarluaskan daripada satu generasi ke satu generasi sebagai warisan tamadun. Tidak hairanlah buku dianggap sebagai duta kecemerlangan budaya dan keintelektualan bangsa. Tidak hairan juga, kemajuan sesebuah negara dan bangsa dilandasi khazanah perbukuan yang kukuh (Shahrom, 2002). Justeru itu, gerakan yang dipelopori oleh Adler ini bertujuan mengekalkan tradisi dan kebijaksanaan ilmu yang sedang dimiliki oleh bangsa Anglo-Saxon.

## ii. Pendidikan Liberal<sup>25</sup>

*"No one can be fully educated in school, no matter how long the schooling or how good it is".*

*"For more than 40 years, a controlling insight in my educational philosophy has been the recognition that no one has ever been - no one can ever be - educated in school or college".*

*"The reason is simply that youth itself - immaturity - is an insuperable obstacle to becoming educated. Schooling is for the young. Education came later, usually much later. The very best thing for our schools to do is to prepare the young for continued learning in later life by giving them the skills of learning and the love of it. Our schools and colleges are not doing that now, but that is what they should be doing".*

Adler boleh dianggap sebagai filosof pendidikan awal abad ke-21. Adler telah menggagas suatu pendekatan baru dalam pembelajaran di sekolah. Pendekatan ini dikenali sebagai *Paideia* (dalam bahasa Melayu bermaksud meningkatkan ‘Potensi kanak-kanak’). Isu pendidikan liberal ini dibahaskan dengan jelas dan tuntas menerusi empat bukunya iaitu *Padeia Proposal: An Educational Manifesto (1998); Aristotle*

<sup>25</sup> Pendidikan liberal menurut Adler (1945), dalam bukunya *Liberal Education: Theory and Practice* ialah "A liberal curriculum should, therefore, include no vocational training; nor should it permit any subject-matter specialization. In a liberal college there should be no departmental divisions, no electives, no separate course in which grades are given for "covering" a specified "ground," no textbooks or manuals which set forth what students must memorize to pass true-false examinations. . . the basic precept of pedagogy should be the direction of the mind by questions and the methods of answering them, not the stuffing of it with answers."

*For Everyone: Difficult Thought Made Easy (1997); A Guidebook to Learning' for a Learning Pursuit of Learning (1986) dan Paideia Problems and Possibilities: a Consideration of Questions Raised by Paideia Proposal (1983).* Gagasan pendidikan liberal yang digagaskan oleh beliau ialah bersifat pragmatik dan tradisional. Antara gagasan ideanya adalah:

1. Semua kanak-kanak boleh belajar.
2. Oleh itu, mereka berhak memperoleh persekolahan yang berkualiti, bukan hanya kuantiti yang sama.
3. Kualiti persekolahan yang diperlukan bergantung kepada kepintaran ibu bapa untuk menentukannya, pendidikan terbaik untuk manusia terbaik; dan pendidikan terbaik untuk semua.
4. Sekolah adalah tempat terbaik bagi menyediakan pendidikan umum bagi keperluan seluruh hidup. Sekolah perlu dinilai berdasarkan persediaannya ke arah melahirkan manusia terbaik.
5. Tiga aśas yang sepatutnya disediakan oleh pendidikan adalah; (a) menjadi rakyat terbaik untuk negara dan dunia; (b) untuk memperoleh kehidupan yang tenang dan aman dan; (c) untuk membina kehidupan yang baik kepada seseorang.
6. Pembelajaran yang tulin adalah aktiviti yang diperlukan oleh pelajar dengan guru hanya sebagai pembimbang dan memberikan kerjasama.
7. Tiga pendekatan pengajaran yang sepatutnya berlaku di dalam bilik darjah adalah *didactic* (pengajaran mata pelajaran); *coaching* (kemahiran mengajar) dan *socratic* (kemahiran menyoal).
8. Hasil daripada tiga pendekatan pengajaran di atas akan menghasilkan (a) kemahiran menyusun atur maklumat (b) pembentukan kemahiran asas dalam kegunaan bahasa dan matematik (c) pertumbuhan minda dalam memahami sesuatu asas idea dan dan isu.
9. Setiap pencapaian pelajar hendaklah dinilai berdasarkan kebolehan pelajar per se dan bukannya pengaruh daripada persekitarannya.
10. Prinsip sekolah tidak hanya mentadbir tetapi juga harus melibatkan guru-guru dalam perancangan, pelaksanaan, pengubahsuaian dan mengurus semula sekolah sebagai pendidikan komuniti.
11. Prinsip fakulti dan sekolah haruslah terlibat secara aktif dengan pembelajaran bukan politik.
12. Keperluan terhadap pembelajaran berterusan seharusnya menjadi motivasi utama kepada yang berdedikasi dalam profesion keguruan.

*"Let me now return to my distinction between schooling at all ages, and the kind of education that can be completed and terminated, and the kind of education that is interminable, that begins after all schooling is completed, and is terminated only with a death certificate".*

*"This is what no high school or college graduate knows or can understand. As a matter of fact, most of their teachers do not seem to know it. In their obsession with covering ground and in the way in which they test or examine their students, they certainly do not act as if they understood that they were only preparing their*

*students for education in later life rather than trying to complete it within the precincts of their institutions".*

Pendidikan liberal yang diperjuangkan oleh Adler sangat berkaitan dengan falsafah perennial yang menjadi doktrin dan amalannya. Fahaman ini menegaskan, prinsip-prinsip dasar pendidikan adalah kekal dan tidak berubah. Fahaman ini berasaskan pada idealisme klasik. Berlawanan dengan idea-idea falsafah progresivisme yang menekankan perubahan; idea-idea pendidikan perenialisme menekankan prinsip-prinsip mutlak dalam pendidikan. Prinsip-prinsip dasar falsafah ini adalah (Abdul Fatah, 2003):

- i. Prinsip pertama, manusia pada amnya adalah sama dan pendidikan haruslah sama untuk setiap manusia.
- ii. Prinsip kedua, rasionaliti (kewarasan/kebijaksanaan) adalah cirri utama manusia, oleh itu pendidikan hendaklah ditumpukan ke arah pembentukan rasionaliti.
- iii. Prinsip ketiga, tugas pendidikan ialah menyelaraskan manusia pada kebenaran.
- iv. Prinsip keempat, pendidikan bukanlah sebagai suatu tiruan penghidupan tetapi hendaklah dianggap suatu persediaan.
- v. Prinsip kelima, kanak-kanak hendaklah diajarkan subjek asas yang khusus yang dapat digunakan dalam kehidupannya di dunia ini.
- vi. Prinsip keenam, pendidikan hendaklah dapat memperkenalkan kepada murid hal keadaan yang universal melalui kesusteraan, falsafah, sejarah dan sains yang dilahirkan oleh penulis-penulis terkenal.

#### • Masyarakat Liberal

Masyarakat liberal lahir daripada sistem pendidikan yang bercorak liberal. Masyarakat liberal adalah sebuah masyarakat yang berfikiran terbuka (open minded) dan sedia menerima apa jua bentuk ideologi dan pemikiran daripada persekitarannya. Namun begitu, kemunculan masyarakat liberal ini tidak bermakna mereka meminggirkan etika, nilai dan norma untuk meraih nilai tambah (value added) pembangunan diri. Dengan kata lain, masyarakat liberal adalah sebuah masyarakat yang hidup atas landasan kebenaran, bersedia menyebarkan kebenaran kerana kebenaran adalah sejagat dan tetap. Ia mestilah berusaha untuk menyesuaikan individu bukan kepada alam ini, tetapi kepada apa yang benar. Masyarakat liberal yang lahir dalam persekitaran perennial ini lebih memusatkan dirinya kepada akal dan krasionalan dan itulah sebenarnya wajah manusia yang sebenarnya.

Namun begitu, sistem pendidikan liberal mampu mengembangkan bakat semula jadi, kebolehan membuat keputusan, berfikiran fleksibel dan terbuka, mencari kebahagiaan sendiri serta mampu mencapai *personal* dan *social victory*.<sup>26</sup>

*"We must bear in mind the distinction between fame and honor. A virtuous person is an honorable person, a person who ought to be honored by the community in which he or she lives. But the virtuous person does not seek honor, being secure in his or her own self-respect. Lack of honor does not in any way detract from the efficacy of moral virtue as an indispensable operative means in*

<sup>26</sup> Lihat buku 7 Habits of Highly Effective People oleh Stephen R. Covey (1989).

*the pursuit of happiness.... Those totally lacking in virtue may achieve fame as readily as, perhaps even more easily than those who are virtuous. Fame belongs to the great, the outstanding, the exceptional, without regard to virtue or vice. Infamy is fame no less than good repute. The great scoundrel can be as famous as the great hero; there can be famous villains as well as famous saints. Existing in the reputation a person has regardless of his or her accomplishments, fame does not tarnish as honor does when it is unmerited” Adler (1991).*

Masyarakat liberal yang lahir daripada sistem pendidikan yang berasaskan faham perenialisme ini amat mementingkan kuasa akal-intelek dan disiplin rasional. Jika pendidikan yang betul diberikan kepada kanak-kanak, maka akan lahir sebuah masyarakat yang boleh berfikir dan membuat keputusan berdasarkan logik dan kewarasan intelek. Selain itu, menurut Adler demokrasi akan maju jika masyarakat dididik dengan betul dan bukan kerana masyarakat diajar untuk menggalakkan perubahan sosial.

### iii. Falsafah<sup>27</sup>

Mortimer J. Adler ialah seorang failasuf. Falsafah adalah bidang yang diberikan tumpuan pada sepanjang penglibatannya sebagai seorang ahli akademik. Beliau amat mengagumi failasuf klasik seperti Aristotle, Palato dan Socrates. Tokoh yang telah mempengaruhi kehidupannya sebagai failasuf ialah Aristotle dan Thomas Aquinas. Penyokong kuat faham perenialism ini ialah Hutchins iaitu kawan karibnya dan Richard Livingston failasuf Inggeris yang terkenal dengan idea-idea suprarealiti.<sup>28</sup> Antara karya-karya falsafah Adler seperti (1941) *A Dialectic of Morals: Towards the Foundations of Political Philosophy*; (1941) *A Dialectic of Morals: Towards the Foundations of Political Philosophy* (1995) *Adler's Philosophical Dictionary: 125 Key Terms for the Philosopher's Lexicon*; (1965) *The Conditions of Philosophy: It's Checkered Past, Its Present Disorder, and Its Future Promise*; (1993) *The Four Dimensions of Philosophy: Metaphysical-Moral-Objective-Categorical*; (1977) *Philosopher at Large: An Intellectual Autobiography*.

Adler adalah pedukung falsafah perennial<sup>28</sup> dan beliau percaya bahawa falsafah seharusnya menjadi sebahagian daripada arus perdana masyarakat iaitu falsafah sebagai satu disiplin dapat difahami dengan mudah oleh orang kebanyakan.

<sup>27</sup> Falsafah menurut Adler ialah “... is about ideas, correction, great ideas. Like Plato, who held that “ideas are objects that the human minds can think about”, Adler argues that a philosopher should begin with the six great ideas because they are the foundation of what it means to be a good citizen and a thoughtful human being. He notes that five of these six ideas are the foundation of the Declaration of Independence, the Constitution, and the Gettysburg Address” Filosof besar abad ke-20 Harold H. Titus (1959) dalam bukunya *Living Issues in Philosophy* mengemukakan empat pengertian tentang falsafah iaitu falsafah ialah satu sikap tentang hidup dan tentang alam semesta; falsafah ialah satu kaedah pemikiran reflektif dan penyelidikan akliyah; falsafah ialah satu peringkat masalah dan falsafah ialah satu peringkat teori atau sistem fikiran. Al-Farabi dalam (Endang saifuddin, 1982) menyatakan “Falsafah ialah ilmu pengetahuan tentang alam yang mawjud dan bertujuan menyelidiki hakikatnya yang sebenar”.

<sup>28</sup> Falsafah perennial berakar daripada tradisi Roman-Greaco. Perenial adalah subset kepada falsafah klasik barat iaitu idealisme dan realism. Falsafah perennial menjelaskan fenomena kebenaran alam sebagai fakta yang idea dan boleh dilihat. Bagaimanapun ia menuruti kehendak Pencipta dan hukum-hukum tabii.

Lebih penting lagi Adler mencadangkan agar falsafah diangkat sebagai satu mata pelajaran yang mesti dipelajari dan dimuatkan dalam kurikulum sekolah.

Dengan kata lain, pendidik dan orang yang didik mesti didedahkan dengan pengalaman falsafah perennial agar negara akan memperoleh hasil yang maksimum. Hasil maksimum yang dimiliki oleh negara apabila wujudnya masayarakat yang memegang nilai-nilai liberalism.

*"It cannot be too often repeated that philosophy is everybody's business. To be a human being is to be endowed with the proclivity to philosophize. To some degree we all engage in philosophical thought in the course of our daily lives. Acknowledging this is not enough. It is also necessary to understand why this is so and what philosophy's business is. The answer, in a word, is ideas. In two words, it is Great Ideas - the ideas basic and indispensable to understanding ourselves, our society, and the world in which we live".*

- i. Falsafah harus dihargai sebagai suatu bidang pengetahuan yang berautonomi.
- ii. Falsafah pengetahuan sepatutnya didahului dengan pengetahuan.
- iii. Teori-teori falsafah seharusnya dinilai sama seperti penilaian yang dibuat terhadap sains alamiah.
- iv. Falasafah seharusnya bersifat massa.
- v. Falsafah seharusnya membina perbezaan metodologi.
- vi. Falsafah harus bersifat realistik dan berpijak di bumi nyata.
- iv. Idea<sup>29</sup>

Idea ialah objek mental. Objekt mental yang boleh diterjemah secara kritis dan kreatif. Konsep idea secara epistemologi<sup>30</sup>, metafizika<sup>31</sup> dan aksiologikal<sup>32</sup> telah dibahas oleh ahli-ahli falsafah terdahulu seperti John Locke (1632-1704) dalam bukunya yang bertajuk *An Essay Concerning Human Understanding*. Perbahasan tentang idea turut giat dijalankan oleh ahli falsafah subjektivisme iaitu Baruch Spinoza (1632-1677); George Berkeley (1685-1753) dalam bukunya *The Principle of Human Knowledge*; David Hume (1711-1776) dalam bukunya dan failasuf abad ke-20 iaitu Ayn Rand (1905-1982) dalam bukunya *Introduction to Objectivist Epistemology*.

<sup>29</sup> Adler dalam bukunya (1961) *Great Ideas from the Great Books* telah membahaskan lebih 100 idea-idea daripada sarjana dan failasuf dunia. Antara idea-idea yang dibahaskannya adalah *Angel; Animal; Aristocracy; Art; Astronomy; Beauty; Being; Cause; Chance; Change; Citizen; Constitution; Courage; Custom and Convention; Definition; Democracy; Desire; Dialectic; Duty; Education; Element; Emotion; Eternity; Evolution; Experience; Family; Fate; Form; God; Good and Evil; Government; Habit; Happiness; History; Honor; Hypothesis; Idea; Immortality; Induction; Infinity; Judgment; Justice; Knowledge; Labor; Language; Law; Liberty; Life and Death; Logic; Love; Man; Mathematics; Matter; Mechanics; Medicine; Memory and Imagination; Metaphysics; Mind; Monarchy; Nature; Necessity and Contingency; Oligarchy; One and Many; Opposition; Philosophy; Physics; Pleasure and Pain; Poetry; Principle; Progress; Prophecy; Prudence; Punishment; Quality; Quantity; Reasoning; Relation; Religion; Revolution; Rhetoric; Same and Other; Science; Sense; Sign and Symbol; Sin; Slavery; Soul; Space; State; Temperance; Theology; Time; Truth; Tyranny; Universal and Particular; Virtue and vice; War and Peace; Wealth; Will; Wisdom; World.*

<sup>30</sup> Falsafah ilmu pengetahuan.

<sup>31</sup> Falsafah tentang hakikat yang ada di balik fizikal, tentang hakikat yang bersifat transenden, di luar atau di atas jangkauan pengalaman manusia.

<sup>32</sup> Falsafah tentang kegunaan yang baik dan buruk.

Adler membahaskan tentang persoalan idea dalam beberapa bukunya seperti *Six Great Ideas* (1984); *How to Think About the Great Ideas* (2000) Adler menyatakan bahawa idea adalah 'vocabulary of thinking'; selain itu idea ialah 'object of thought' yang dimiliki oleh setiap manusia yang berakal. Kepintaran akal melakukan penaakulan (reasoning) meletakkannya berbeza sama sekali dengan haiwan. Hanya manusia sahaja yang memiliki idea dan tahu memasniferasikan idea tersebut menjadi sesuatu yang bersifat realiti. Oleh itu, menurut Adler (1984):

*"We live in two worlds: (1) the sensible world of the common perceptual objects that we move around and use in various ways and (2) the intelligible world of ideas, the common objects of thought that we cannot touch with our bodies or perceive with our senses, but that, as thinking individuals, we can discuss with one another".*

*"In the vocabulary of daily speech, the word "idea" is generally used to name the subjective contents of our own minds—things that each of us has in his or her own mind. This use of the word predominates in a large portion of modern psychology, concerned as it is with something called "the association of ideas" or "the stream of consciousness"—with the images we experience in dreams or in acts of imagination. It is a kind of omnibus term that covers all the contents of our minds when we have any conscious experience—our sensations and perceptions, our images and memories, and the concepts we form".*

Adler amat optimis dengan mengatakan bahawa idea-idea asli dan hebat hanya boleh diperolehi menerusi karya-karya agung (*The Canon*)<sup>33</sup> seperti yang ditulis oleh sarjana, pemikir, ilmuwan daripada pelbagai bidang seperti falsafah, kesuasteraan, matematik, fizik, seni halus, seni bina, teologi, sosiologi, sejarah dan sebagainya.

## KESIMPULAN

Mortimer J. Adler ialah seorang pemikir dan sarjana yang telah banyak memberi nilai tambah dalam bentuk idea, motivasi dan pemikiran dalam disiplin sains sosial khususnya falsafah. Padanya, falsafah bukanlah suatu disiplin ilmu yang bersifat

<sup>33</sup> Homer (*Odyssey*); Plato (*Republic*); Euclid (*Element*); Plotinus (*The Six Enneads*); Virgil (*Aenid*); Ptolemy (*Almagest*); Augustine (*The Confessions*); Copernicus (*On the Revolutions of the Heavenly Spheres*); Thomas Aquinas (*Summa Theologica*); Dante (*Divine Comedy*); Calvin (*Institute of the Christian Religion*); Machiavelli (*The Prince*); Hobbes (*Leviathan*); montaigne (*Essays*); Shakespeare (*The Plays and Sonnets*); Galileo (*On the Loadstone and magnetic Bodies*); bacon (*Novum organum*); Descartes (*Rules for the meditations and replies*); Milton (*Paradise Lost*); Pascal (*The Provincial Letters*); Newton (*Mathematical Principles of natural Philosophy*); Locke *An essay Concerning Human Understanding*; Voltaire (*Candide*); Montesquieu (*The Spirit of Laws*); Rousseau (*The Social Contract*); Smith (*The wealth of nations*); Gibbon (*History of the Decline and Fall of the Roman Empire*); Kant (*The Critique of Pure Reason*); Marx (*Das Capital*); Engels (*Manifesto of the Communist Party*); Tolstoy (*War and peace*); Freud (*The Major Works of Sigmund Freud*); James (*The Principles of Psychology*); Dewey (*Experience and Education*) dan sebagainya.

ekslusif yang hanya diajar di bilik kuliah. Adler merupakan antara failasuf yang ‘mesra massa’ dengan pendekatan pragmatik dan progresif dalam mengetengahkan idea-idea futuristik. Selain itu, beliau telah berjaya melunakkan idea-idea perennial dalam pendidikan liberal menerusi gerakan *Great Books* yang berpengaruh di Amerika Syarikat dan dunia amnya. Biar pun idea-idea perennialnya mendapat kritikan daripada *school of thought* seperti progresivisme, pragmatisme, dan eksistensialisme.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Fatah Hasan. 2003. *Pengenalan Falsafah Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Aroff dan Zakaria Kasa 1994. *Falsafah dan Konsep Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah. 2003. *Menjadi Intelektual*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors.
- Adler, M.J. 1940. *How to Read a Book; The Art of Getting a Liberal Education*. New York: Simon & Schuster.
- Adler, M.J. and Mayer, M. 1958. *The Revolution in Education*. Chicago: University of Chicago Press.
- Adler, M.J. 1982. *The Paideia Proposal: An Educational Manifesto/ Mortimer J. Adler, on Behalf of the Members of the Paideia Group*. New York: Macmillan.
- Adler, M.J. 1994. *Art, the Arts, and the Great Ideas*. New York: Macmillan.
- Adler, M.J. 2000. *How to Think about the Great Ideas: From the Great Books of Western Civilization. (Edited by Weisman, M.)*. Chicago: Open Court.
- Allan Bloom .1987. *The Closing of the American Mind: How Higher Education has Failed Democracy and Impoverished of Today's Students*. New York: Simon & Schuster.
- Anwar Ibrahim. 1989. *Menangani Perubahan*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Dore, R. 1976. *The Diploma Disease: Education, Qualification and Development*. London: George Allen & Unwin.
- Endang Saifuddin Anshari. 1982. *Sains, Falsafah dan Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hirsch, R.D., Jr. 1988. *Cultural Literacy: What Every American Needs to Know*. New York: Vintage Books.
- Hutchins, R.M. 1968. *The Learning Society*. London: Penguin Books.

- John K. Roth & Frederick Sontag. 1988. *The Questions of Philosophy*. California: Wadsworth Publishing Company.
- Jujun S. Suriasumantri . 1990. *Ilmu dalam Perspektif Moral, Sosial dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Idris Jauzi et al. 1990. *Faham Ilmu: Pertumbuhan dan Implikasi*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mustafa kamil Ayub. 1994. *Menangani Cabaran: Membina Kecemerlangan Tamadun Ummah*. Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Samsu Adabi Mamat dan Wan Ramli Wan Muhamad. 2002. *Cendekiawan Islam: Perintis Peradaban Manusia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Senu Abd. Rahman (ed.). 2002. *Revolusi Mental*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Shahrom TM Sulaiman dan Salasiah Abd. Wahab. 2002. *Keanehan dan Keunggulan Buku*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Syed Hussein al-Attas. 1992. *Intelektual Masyarakat Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1997. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd. Wan Daud. 1988. *Budaya Ilmu: Konsep, Prasyarat dan Pelaksanaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: nurin Enterprise.
- Zaini Ujang. 1993. *Universiti: Mendukung Tradisi Intelektual*. Kuala Lumpur: IKD.
- <http://radicalacademy.com/adlerbio.htm>
- <http://www.dce.harvard.edu/pubs/lowell/madler2.html>
- <http://books.mirror.org/gb.plato.html>
- <http://www.ditext.com/adler/adler.html>
- <http://www.funwithbio.com>
- [http://www.education.miami.edu/ep/html/mortimer\\_adler.html](http://www.education.miami.edu/ep/html/mortimer_adler.html)
- <http://www.rjgeib.com/thoughts/adler/adler.html>
- [http://www.classicalhomeschooling.com/html/to\\_our\\_readers.html](http://www.classicalhomeschooling.com/html/to_our_readers.html)
- <http://www.dailyobjectivist.com/Heroes/MortimerAdler.asp>

<http://www.literarycritic.com/adler2.htm>

<http://www.cambridgestudycenter.com/articles/adler.htm>

<http://www.coe.ufl.edu/webtech/GreatIdeas/pages/peoplepage/adler.htm>

## LAMPIRAN

### Buku

- (1927) *Dialectic*.
- (1931) *The Nature of Judicial Proof: An Inquiry into the Logical, Legal, and Empirical Aspects of the Law of Evidence* (with J. Michael).
- (1933) *Crime, Law and Social Science* (with Jerome Michael).
- (1937) *Art and Prudence: A Study in Practical Philosophy*.
- (1937) *What Man Has Made of Man: A Study of the Consequences of Platonism and Positivism in Psychology*.
- (1940) *The Philosophy and Science of Man: A Collection of Texts as a Foundation for Ethics and Politics*.
- (1940) *How to Read a Book: The Art of Getting a Liberal Education*.
- (1941) *A Dialectic of Morals: Towards the Foundations of Political Philosophy*.
- (1944) *How to Think about War and Peace*.
- (1958) *The Revolution in Education* (with Milton Mayer).
- (1958) *The Capitalist Manifesto* (with Louis O. Kelso).
- (1958) *The Idea of Freedom: A Dialectical Examination of the Conceptions of Freedom*.
- (1961) *The New Capitalists: A Proposal to Free Economic Growth from the Slavery of Savings* (with Louis Kelso).
- (1961) *The Idea of Freedom: A Dialectical Examination of the Controversies about Freedom*.
- (1961) *Great Ideas from the Great Books*.
- (1965) *The Conditions of Philosophy: Its Checkered Past, Its Present Disorder, and Its Future Promise*.
- (1966) *How to Read a Book: A Guide to Reading the Great Books*.
- (1967) *The Difference of Man and the Difference It Makes*.
- (1970) *The Time of Our Lives: The Ethics of Common Sense*.
- (1971) *The Common Sense of Politics*.
- (1972) *How to Read a Book: The Classic Guide to Intelligent Reading* (with Charles Van Doren).
- (1975) *The American Testament* (with William Gorman).
- (1976) *Some Questions about Language: A Theory of Human Discourse and Its Objects*.
- (1977) *Philosopher at Large: An Intellectual Autobiography*.

- (1977) *Reforming Education: The Schooling of a People and Their Education Beyond Schooling* (edited by Geraldine Van Doren).
- (1978) *Aristotle for Everybody: Difficult Thought Made Easy*.
- (1980) *How to Think about God: A Guide for the 20th-Century Pagan*.
- (1981) *Six Great Ideas: Truth-Goodness-Beauty-Liberty-Equality-Justice*.
- (1982) *The Angels and Us*.
- (1982) *The Paideia Proposal: An Educational Manifesto*.
- (1983) *How to Speak / How to Listen*.
- (1983) *Paideia Problems and Possibilities: A Consideration of Questions Raised by the Paideia Proposal*.
- (1984) *A Vision of the Future: Twelve Ideas for a Better Life and a Better Society*.
- (1984) *The Paideia Program: An Educational Syllabus* (with Members of the Paideia Group).
- (1985) *Ten Philosophical Mistakes*.
- (1986) *A Guidebook to Learning: For a Lifelong Pursuit of Wisdom*.
- (1987) *We Hold These Truths: Understanding the Ideas and Ideals of the Constitution*.
- (1988) *Reforming Education: The Opening of the American Mind* (edited by Geraldine Van Doren).
- (1990) *Intellect: Mind Over Matter*.
- (1990) *Truth in Religion: The Plurality of Religions and the Unity of Truth*.
- (1991) *Haves Without Have-Nots: Essays for the 21st Century on Democracy and Socialism*.
- (1991) *Desires, Right & Wrong: The Ethics of Enough*.
- (1992) *A Second Look in the Rearview Mirror: Further Autobiographical Reflections of a Philosopher at Large*.
- (1992) *The Great Ideas: A Lexicon of Western Thought*.
- (1993) *The Four Dimensions of Philosophy: Metaphysical-Moral-Objective-Categorical*.
- (1994) *Art, the Arts, and the Great Ideas*.
- (1995) *Adler's Philosophical Dictionary: 125 Key Terms for the Philosopher's Lexicon*.
- (1996) *The New Technology: Servant or Master* (with Phillip W. Goetz).

## Editorial

- (1940) *Scholasticism and Politics*.
- (1952) *Great Books of the Western World* (52 vols.).
- (1952) *A Syntopicon: An Index to the Great Ideas* (2 vols.).
- (1961) *The Great Ideas Today* (1961-77, 17 vols.) (with Robert Hutchins).

- (1963) *Gateway to the Great Books* (10 vols.) (with Robert Hutchins).
- (1968) *The Annals of America* (21 vols.).
- (1974) *Propaedia: Outline of Knowledge and Guide to the New Encyclopaedia Britannica 15th Edition* (30 vols.).
- (1977) *Great Treasury of Western Thought* (with Charles Van Doren).
- (1978) *The Great Ideas Today* (1978-1995 - 18 vols.).
- (1990) *Great Books of the Western World 2<sup>nd</sup> Edition* (60 vols.).
- (1990) *A Syntopicon: An Index to the Great Ideas 2<sup>nd</sup> Edition* (2 vols.).

### Kertas Kerja

Beliau telah menghasilkan lebih 1000 kertas kerja yang dibentangkan dalam pelbagai seminar dan persidangan di seluruh dunia.